



“TAQWA DALAM PERKHIDMATAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلِكُلِّ دَرَجَةٍ مِمَّا عَمِلُوا وَمَا
رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ . قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

Sidang Jumaat Para Tetamu Allah Sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah dengan menjunjung segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya, serta kita mengikut segala sunnah Rasulullah saw dengan beramal apa yang disuruhnya dan



menghindarkan segala yang ditegahnya. Mudah-mudahan apabila kita menjadi insan bertaqwa, kita akan mendapat kemenangan di dunia dan di akhirat.

Bersempena dengan hari pekerja yang jatuh pada 1 Mei saban tahun, mimbar ingin mengajak para jemaah untuk menghayati khutbah yang bertajuk "**Taqwa Dalam Perkhidmatan**".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam menjadikan kerja sebagai tuntutan fardhu atas semua umatnya bagi setiap individu yang mampu bekerja untuk mencapai kebahagiaan samada untuk dirinya mahupun masyarakat.

Firman Allah SWT. dalam surah at-Taubah ayat 105 :

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ
وَالْمُؤْمِنُونَ ^ص وَسُتُرْدُونَ إِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ
فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

"Dan katakanlah (Wahai Muhammad): beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

Perkhidmatan berdasarkan kepada taqwa dan terisi dengan nilai-nilai Islam adalah rahsia suatu pencapaian itu hebat dan utuh sepanjang zaman.



Nilai-nilai murni Islam tidak akan terhakis walaupun zaman sentiasa berubah kerana Islam itu tetap terus relevan pada semua tempat, keadaan dan masa.

Taqwa dalam perkhidmatan akan membawa sesuatu kerja kita ke arah keelokan, keindahan, kegemilangan dan kecemerlangan. Ia juga mendorong kita melakukan sesuatu kerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh dengan mencurahkan seluruh masa, tenaga dan pemikirannya untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Tujuannya adalah untuk memberikan manfaat kepada masyarakat dan umat Islam.

Hadis daripada Aishah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ
عَمَلًا أَنْ يُتَقِنَهُ

"Sesungguhnya Allah sangat suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu pekerjaan dilakukannya dengan tekun".

(Riwayat al-Baihaqi).

Untuk mencapai taqwa dalam perkhidmatan, sesuatu kerja mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Niat bekerja kerana Allah.

Setiap pekerjaan atau usaha yang dilakukan seseorang hamba akan dinilai mengikut sejauh mana niatnya. Sekiranya niat itu, semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT, maka ia akan mendapat keredhaan daripada Allah SWT dan seterusnya mendapat ganjaran pahala.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 207:



وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ
مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٠٧﴾

"Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah semata-mata; dan Allah pula amat belas-kasihan akan hamba-hamba-Nya".

2. Bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan.

Melaksanakan kerja dengan bersungguh-sungguh merupakan tuntutan agama yang mempunyai kaitan secara langsung dengan nilai ibadat itu sendiri.

Firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ
مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ
أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas



mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan”.

3. Bekerja mencari rezeki yang halal.

Keperluan mencari rezeki yang halal atau mencari sara hidup yang diredhai Allah adalah suatu kewajiban kepada individu muslim.

Ini dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Anas B. Malik RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ

Mencari yang halal itu fardhu.

(Riwayat ad-Dailami)

4. Menerapkan nilai budaya kerja Islam.

Setiap pekerjaan yang dilaksanakan mestilah selari dengan syariat Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ
كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ

عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾



"Wahai orang-orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang lagi nyata".

5. Sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT.

Kita hendaklah sentiasa menunaikan kewajipan terhadap Allah SWT dengan menunaikan kefardhuan solat lima waktu, menutup aurat, menunaikan zakat dan menjaga batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram serta tata susila agar tidak terjerumus kepada maksiat.

Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 110:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تَقَدَّمُوا
لَأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ ^{قُلْ} إِنَّ اللَّهَ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

"Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua Yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat Segala Yang kamu kerjakan".

6. Amanah dalam bekerja.



Hendaklah sentiasa menjaga amanah bekerja seperti menjaga waktu bekerja, menjaga harta, menunaikan tanggungan kerja dan tidak sama sekali terjebak kepada penyelewengan seperti rasuah, pecah amanah, salah laku dan salah guna kuasa.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ
وَتَخُونُوا ءَمَنَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)".

7. Berakhlak mulia.

Dalam melaksanakan pekerjaan hendaklah sentiasa ceria, mesra pelanggan, tidak membeza-bezakan kedudukan dan pangkat.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. Bersabda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

"Orang-orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah mereka yang paling baik akhlaknya".

(Riwayat at-Tirmizi).



Mudah-mudahan apabila kita telah memahami ciri-ciri pentingnya nilai taqwa dalam perkhidmatan ini akan membuahkan hasil yang baik dalam kerjaya dan kehidupan kita.

Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha menjadikan ciri-ciri yang disebutkan tadi sebagai panduan dalam pekerjaan kita. Mudah-mudahan dengan itu kita mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي
مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

"Dia lah (Allah) yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)".

(Surah al-Mulk : 15)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.